

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4()

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 1 TAHUN 2018**

Tarikh : 24 Januari 2018 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.30 tengahari
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN PENGERUSI

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 1/2018 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

- 2.1 Mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis yang hadir pada mesyuarat pada hari ini kerana kehadiran Ahli-Ahli Majlis adalah penting bagi menjalankan urusan dalam sesuatu Mesyuarat Majlis.
- 2.2 Merujuk kepada Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SPBT Bil 1/2017) ditetapkan bahawa, sesuatu Mesyuarat Majlis

tidak dapat dilaksanakan sekiranya kuorum tidak mencukupi 1/3 daripada bilangan Ahli Majlis.

- 2.3 Seterusnya beliau memohon agar ahli-ahli mesyuarat memartabatkan Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya, kerana tujuan mesyuarat ini adalah bagi membolehkan ahli-ahli mesyuarat memutuskan perkara-perkara dasar yang memandu kepada pentadbiran Majlis dan bukannya perkara kecil atau sampingan yang boleh dibincangkan dalam forum atau mesyuarat yang lain.
- 2.4 Perkara-perkara dasar yang hendak diterima pakai oleh Majlis termasuklah Akta, Pekeliling yang hendak digunapakai perlu diluluskan dalam Mesyuarat Penuh terlebih dahulu kerana ianya merupakan punca kuasa kepada perjalanan pentadbiran Majlis.
- 2.5 Persetujuan / pindaan / pembatalan / kelulusan tentang tarikh pemakaian Akta dan Pekeliling perlu direkodkan secara sempurna dan perkara-perkara lain yang selain daripada perkara dasar ini hendaklah dibincangkan dalam Mesyuarat Teknikal atau Jawatankuasa yang telah ditetapkan.
- 2.6 Selari dengan aspirasi Majlis dan tanggungjawab kita sebagai penjawat awam, Puan Yang Dipertua juga mengingatkan bahawa misi penubuhan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan adalah memberikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik kepada penduduk secara cekap dan berkualiti.
- 2.7 Justeru itu, bagi mencapai visi MPSJ iaitu untuk menjadi sebuah perbandaran / bandaraya yang bertaraf antarabangsa, kita sebagai penjawat awam perlu meletakkan kepentingan awam melebihi daripada kepentingan individu.

2.8 Majlis Penutup Anugerah Sekolah Sejahtera MPSJ 2017 dan Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Sejahtera MPSJ 2018.

Program Penutup dan Pelancaran Anugerah Sekolah Sejahtera Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) 2017/2018 telah diadakan dengan jayanya pada 10 Januari 2018 (Rabu), 9.00 pagi bertempat di Sunway Convention Center, Sunway Medical Center, Bandar Sunway dengan kehadiran 600 orang tetamu termasuk guru dan pelajar sekolah.

Program ini juga merupakan satu inovasi sosial MPSJ di dalam membina generasi komuniti yang peka dengan kebersihan persekitaran dan kelestarian alam sekitar sekaligus membawa kepada perubahan minda masyarakat yang turut menyumbang kepada kesan negatif persekitaran. Bagi tahun 2017, sebanyak 54 dari 79 sekolah telah mengambil bahagian meliputi 40 sekolah rendah dan 14 sekolah menengah dengan mencapai peratus penglibatan sebanyak 68%.

Bagi tahun 2018, selain dari 3 aspek utama iaitu kesihatan dan kebersihan, kelestarian alam sekitar serta landskap dan keceriaan, 3 aspek lagi telah ditambah dalam modul 2018 iaitu aspek keselamatan, sukan dan kebudayaan serta inovasi.

Dengan tema 'Melentur Buluh Biar dari Rebungnya' bersesuaian dengan objektif program ini bagi memperkasakan pelajar sebagai ejen perubahan kepada generasi komuniti pada masa akan datang. Harapan MPSJ suatu masa nanti kita akan mempunyai masyarakat yang mempunyai kesedaran sivik yang tinggi.

Program ini dijalankan secara CBOS (Council Blue Ocean Strategy) bersama rakan sinergi yang lain bagi memberikan impak yang maksimum dalam mendidik komuniti dari pelbagai peringkat adalah diharapkan.

2.9 Kempen Flat Rate

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan bil. 12/2017 bertarikh 14 Disember 2017 telah bersetuju untuk melaksanakan kempen “Flat Rate” iaitu satu kempen di mana Orang Kena Kampaun (O.K.K) boleh membuat penyelesaian di luar Mahkamah dengan penawaran kadar yang lebih rendah iaitu Sepuluh Ringgit Malaysia (RM 10.00) bagi semua jenis kod kesalahan. Kempen ini akan berlangsung selama tiga (3) bulan bermula 01 Februari 2018 sehingga 30 April 2018.

Objektif kempen ini adalah untuk mengurangkan tunggakan kampaun dan mengurangkan kes pendakwaan pesalah trafik serta memberi peluang kepada semua pesalah tegar untuk menyelesaikan tunggakan kampaun Majlis pada kadar yang rendah.

Kempen “Flat Rate” terbuka kepada semua jenis kesalahan di bawah kod kesalahan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) MPSJ 2007 **kecuali** kesalahan di bawah Perintah 2 Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Berat) (MPSJ) 2012 dan kampaun yang telah dibawa ke Mahkamah.

Mengikut rekod Majlis, jumlah kampaun yang trafik yang tertunggak adalah sebanyak 1,122,125 kampaun dengan nilai Ringgit Malaysia Lapan Puluh Lapan Juta Tiga Ratus Lima Puluh Dua Empat Ratus Dua Puluh Enam (RM88,352,426.00).

Sepanjang tahun 2017, sebanyak lima ratus enam puluh tujuh (567) kes trafik telah dibawa ke Mahkamah Majistret Munisipal Majlis Perbandaran Subang Jaya untuk tindakan pendakwaan di mana

sebanyak seratus dua puluh tujuh (127) waran tangkap telah dikeluarkan terhadap Orang Kena Saman (O.K.S).

Orang awam khususnya pesalah trafik Majlis sewajarnya mengambil kesempatan kempen ini dengan sepenuhnya memandangkan Majlis akan membawa kes-kes ke Mahkamah bagi semua tunggakan kompaun trafik yang tidak diselesaikan di Mahkamah Majistret Munisipal Majlis Perbandaran Subang Jaya dan kompaun maksimum akan dikenakan dengan jumlah Lapan Puluh Ringgit Malaysia (RM80.00) sebaik tamat tempoh Kempen “Flat Rate” ini.

2.10 Bazar Ramadan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2018

Pada tahun ini umat Islam dijangka akan menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak pada 17 Mei 2018 (Khamis) dan berakhir pada 14 Jun 2018 (Khamis). Sehubungan dengan itu MPSJ telah membuat persiapan awal untuk menyediakan tapak-tapak bazar Ramadhan seperti tahun-tahun yang lepas.

Bagi memberi kemudahan serta menjimatkan masa peniaga yang berminat untuk memohon Permit Bazar Ramadan MPSJ 2018 , MPSJ telah mengambil inisiatif menyediakan platform **permohonan permit secara atas talian (online)** bermula **1 Februari 2018 sehingga 18 Februari 2018** dengan melayari laman sesawang MPSJ www.mpsj.gov.my.

Hanya permohonan secara ‘online’ sahaja dibenarkan dan pemohon terlebih dahulu perlu mendaftar sebagai pengguna my@mpsj.gov.my di laman sesawang yang sama. Semua urusan permohonan boleh dilakukan sepenuhnya secara atas talian (online) termasuk mendaftar, memilih dan memuat naik dokumen sokongan serta proses pembayaran.

Pada tahun ini, sebanyak 15 lokasi bazar Ramadan telah diperuntukkan meliputi 1375 petak bazar Ramadan.

Kadar fi lesen Bazar Ramadan MPSJ seperti berikut :

BIL	PERKARA / KETERANGAN	KADAR BAYARAN MAKANAN / MINUMAN (RM)	KADAR BAYARAN AIR TEBU / KELAPA (RM)
1	Bayaran Permit Sementara Penjaja (1 bulan)	-	-
2	Bayaran Sewa tapak dan Kutipan Sampah	120.00	200.00
3	Bayaran Kad Pembantu	-	-
4.	Bayaran Taklimat Bazar (Kursus Asas Pengendali Bazar Ramadan)	50.00	50.00
5.	Apron & Topi (min 2 set)	50.00	50.00
6.	Patil lesen	10.00	10.00
JUMLAH		230.00	310.00

Caj pemprosesan sebanyak RM30.00 akan dikenakan bagi setiap permohonan permit Bazar Ramadan secara berkelompok.

Program di Bazar Ramadan MPSJ 2018 masih dilaksanakan dengan rangkuman program-program yang dilakukan semasa aktiviti Bazar Ramadan bersama penglibatan dari agensi luar, syarikat swasta, pengunjung dan penjaja seperti ketetapan berikut ;

- i. Cabutan Undi Petak Bazar Ramadan.
- ii. Kempen Sayangi Bumi Kita (Bebas Plastik – Bawa bekas makanan sendiri).
- iii. Kempen Inisiatif Hijau – Kempen Bebas Plastik Negeri Selangor.

iv. Pertandingan Penjaja Contoh Bazar Ramadan 2018.

2.11 Kutipan Sampah Pukul Sempena Musim Perayaan

Sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina pada 16 Februari 2018, Majlis Perbandaran Subang Jaya akan membuat kutipan sampah pukul secara percuma mengikut jadual sampah domestik di kawasan perumahan teres akan dilakukan mulai 9 Februari 2018 hingga 23 Februari 2018.

Bagi kutipan sampah pukul di perumahan bertingkat, pihak kontraktor akan menyediakan tong roro pada 10 dan 11 Februari sahaja. Selepas tarikh tersebut, kutipan sampah pukul akan diuruskan oleh pihak JMB.

Penduduk diminta agar tidak mencampur-adukkan sampah domestik, sampah kebun dan sampah pukul serta tidak membuang sampah di tempat-tempat yang tidak dibenarkan demi menjaga kebersihan kawasan kediaman masing-masing.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MPSJ di talian 03-8026 7431/33.

2.6 Sambutan Perayaan Thaipusam Dan Tahun Baru Cina 2018

Saya mewakili pihak Pengurusan dan Warga Kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut Perayaan Thaipusam yang akan disambut pada 31 Januari 2018 dan Tahun Baru Cina pada 16 Februari 2018 kepada Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang meraikannya.

Semoga sambutan perayaan tahun ini akan membawa lebih kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan kita semua.

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 12/2017

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 12 Tahun 2017 yang telah diadakan pada 21 Disember 2017 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 1/2018 bertarikh 4 Januari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 1/2018 bertarikh 8 Januari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Terdapat beberapa perkara yang dibangkitkan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.0 & m/surat	Encik Chia Yew	Berdasarkan perkara yang telah	Beliau memohon untuk menyemak mengenai status keputusan sama

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
	8	Ken	<p>dibangkitkan di dalam Mesyuarat Penuh pada 21 Disember 2017 oleh Ahli Majlis Encik Chia Yew Ken bagi menyemak permohonan Shareen binti Datuk Seri Mohamed Iqbal di m/s 13 minit tersebut.</p>	<p>ada telah diputuskan setelah perjumpaan bersama penduduk atau memohon agar pengeluaran borang C1 dikeluarkan selepas perjumpaan bersama penduduk dilaksanakan.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>i. Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa satu perbincangan bersama penduduk akan dilaksanakan bagi menjelaskan berkaitan keputusan yang telah dilaksanakan.</p> <p>ii. Walau bagaimanapun, keputusan mesyuarat ini dikekalkan dan tidak mengubah sebarang keputusan Majlis.</p> <p>iii. Beliau memaklumkan bahawa apabila sesuatu keputusan dibuat, perbincangan hanyalah lebih kepada pemakluman dan mendengar sahaja.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>iv. Pihak Majlis akan meneliti sekiranya terdapat syarat-syarat yang pihak Majlis setuju.</p> <p>v. Majlis akan menetapkan tarikh perbincangan untuk diselaraskan dengan pengeluaran borang C1 dan penduduk boleh membawa perkara ini ke Lembaga Rayuan.</p> <p>vi. Pengerusi mengambil maklum berkaitan permohonan agar perbincangan bersama penduduk dipengerusikan oleh Yang Dipertua / Timbalan Yang Dipertua.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 2/2018 bertarikh 22 Januari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Terdapat beberapa perkara yang dibangkitkan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.0 (i)(a) & m/surat 7	Tuan TPr. Jaber bin Ami	Perkara bil 5.33 iaitu Permohonan Kebenaran Merancang Membuat Perubahan Material Kegunaan Bangunan	<p>i. Beliau memohon agar perkara bil 5.33 dibincangkan semula terhadap perkara yang dikecualikan berkaitan Permohonan Kebenaran Merancang Membuat Perubahan Material Kegunaan Bangunan.</p> <p>ii. Mencadangkan agar dilaksanakan bengkel kepada Ahli Majlis bagi membincangkan perkara berkaitan jenis permohonan yang diputuskan untuk dikecualikan.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>i. Puan Yang Dipertua memaklumkan perkara ini merupakan perkara dasar.</p> <p>ii. Merujuk kepada persetujuan mesyuarat OSC yang lepas, kawasan yang telah diluluskan untuk perniagaan maka apa-apa aktiviti perniagaan di</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>bangunan tersebut tidak lagi memerlukan kebenaran merancang melainkan ianya merupakan perubahan matan.</p> <p>iii. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa aktiviti yang memerlukan kawalan daripada pihak Majlis seperti hotel, asrama dan rumah ibadat terutamanya hotel-hotel bajet perlu diperhalusi dan dipertimbangkan mengikut merit masing-masing.</p> <p>iv. Bagi kategori hotel dan asrama ianya mirip kepada kediaman walaupun bagi tempoh jangka masa pendek manakala rumah ibadat jatuh kepada kategori institusi. Oleh itu, ianya merupakan perubahan matan dan memerlukan kebenaran merancang semula.</p> <p>v. Tujuan pengecualian bagi perkara-perkara yang lain adalah untuk memudahkan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>permohonan dan mengelakkan berlakunya birokrasi kepada sesuatu perkara yang jelas penggunaannya.</p> <p>vi. Puan Pengerusi meminta agar perkara-perkara yang berkaitan perkara dasar dan polisi perlu dibentangkan kepada Ahli Majlis melalui kertas kerja yang lengkap dan disahkan dalam mesyuarat penuh bulan hadapan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</p>
2.	Para 3.3 & m/surat 11	Encik Chang Kim Loong	Kertas Kerja Bil 613/61/16/2012 Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Meroboh Tempat Letak Kereta, Ballroom dan Restoren Japanese Serta Tambahan Dua Blok Hotel	Beliau memohon pembetulan minit mesyuarat iaitu dari pendengaran tersebut akan disambung pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak oleh pihak Mahkamah. KEPADA Menunggu keputusan Mahkamah. Tindakan : Jabatan OSC

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Suite 23 Tingkat dan Pengubahsuaian ke atas Hotel Grand Dorsett Sedia Ada di atas Lot 4244 dan Lot 4245, Jalan SS12/1 Subang Jaya Untuk : Mayland Valiant Sdn Bhd.	

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 1/2018 bertarikh 9 Januari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 1/201 bertarikh 9 Januari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Terdapat beberapa perkara yang dibangkitkan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 12.1	Encik Chang	Status penguatkuasaan	Beliau memohon perkara berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
	& m/surat 51	Kim Loong	terhadap tempat letak kereta bertingkat (Tingkat 5 dan 6) yang dijadikan food court di Pangsapuri Rajawali SS 15 Subang Jaya.	<p>i) Pembetulan minit mesyuarat iaitu dari Pangsapuri Rajawali KEPADA Menara Rajawali</p> <p>ii) Status tindakan yang diambil terhadap tingkat 5 dan 6 tempat letak kereta yang dijadikan food court serta tingkat 17 dan 18 dewan serbaguna swasta yang dijadikan asrama pelajar</p> <p><u>Maklumbalas</u> Puan Yang Dipertua memaklumkan mesyuarat telah memutuskan tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap kesalahan tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pelesenan / Penguatkuasaan</p>

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 1/2018 bertarikh 10 Januari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 1/2018 bertarikh 11 Januari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Terdapat beberapa perkara yang dibangkitkan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.10 & m/surat 12	Encik Chang Kim Loong	Cadangan bagi kelulusan perakuan Mesyuarat Teknikal Sivil Bilangan 2/2017 bertarikh 2 November 2017 (Kertas Mesyuarat Bil : 10/01/2018)	Beliau memohon penjelasan berkaitan apa yang dimaksudkan Carum Membantu Kadar (CMK) <u>Maklumbalas</u> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa CMK adalah merupakan cukai atau bantuan yang kita terima di atas aset-aset yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan dan kadar yang diberikan adalah lebih rendah.

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 1/2018 bertarikh 15 Januari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 1/2018 bertarikh 18 Januari 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Terdapat beberapa perkara yang dibangkitkan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.2 & m/surat 2	Encik Yap Kok Weng	Kertas Laporan Pemantauan CCTV bagi Bulan Disember 2017 (Kertas Mesyuarat Bil : PICT/2018/01 (02))	Beliau ingin mengetahui adakah mesyuarat membuat pelaporan berkaitan bilangan CCTV yang rosak dan perlu diperbaiki serta apakah tindakan yang telah dilaksanakan. <u>Maklumbalas</u> i. Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa pelaporan berkenaan bilangan kerosakan CCTV dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat serta arahan tindakan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>pemotongan bayaran akan dibuat mengikut bilangan CCTV yang rosak dan tidak berfungsi.</p> <p>ii. Semua perkara yang dilaksanakan oleh Majlis adalah berekod dan pemakluman bayaran penolakan akan dibentangkan dalam mesyuarat bulan hadapan.</p> <p>Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat</p>

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN

6.1 **PENUBUHAN JAWATANKUASA, PENENTUAN BIDANG TUGAS DAN KEANGGOTAAN AHLI MAJLIS BAGI TEMPOH JANUARI 2018 SEHINGGA 30 JUN 2018**

Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan oleh Tuan Hj Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Yang Dipertua. Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan kertas mesyuarat tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.5.8 & m/surat 21	Encik Pooi Weng Keong	Senarai Ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat	Beliau memohon agar penambahan Ahli Majlis Encik Tai Cheng Heng sebagai ahli dalam Jawatankuasa Audit dan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Pengurusan Korporat.</p> <p><u>Maklumbalas</u> Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bilangan 1 tahun 2017 : Garis Panduan Tatacara Ahli Majlis Pihak berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Perkara 4.3 (d) menyatakan Penubuhan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat dianggotai sekurang-kurangnya 5 orang Ahli Majlis bukan eksekutif yang dipilih. Jawatankuasa akan melantik seorang Pengerusi di kalangan Ahli Majlis dalam Jawatankuasa tersebut.</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan perantikan Encik Tai Cheng Heng sebagai ahli dalam Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan / Jabatan Audit Dalam</p>
2.	Para 3.5.11 / 3.5.12 & m/surat 23	Encik Roslan Shahir bin Datuk Mohd	Senarai Ahli Lembaga Tatatertib dan Jawatankuasa Melantik.	Beliau memohon semakan terhadap cadangan perantikan Ahli Lembaga Tatatertib dan Jawatankuasa Melantik kerana kedua-dua calon bukan merupakan ahli

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		Shahir		<p>Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat.</p> <p><u>Maklumbalas</u> Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perlantikan Ahli Majlis bagi Jawatankuasa Melantik dan Lembaga Tatatertib akan ditentukan oleh Yang Dipertua. Perlantikan seperti berikut :</p> <p>i) Lembaga Tatatertib : Ahli Majlis akan ditentukan kelak. ii) Jawatankuasa Melantik: TPr Jaber bin Ami.</p> <p>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</p>
3.	Para 4.0 & m/surat 24	Encik Pooi Weng Keong	Kadar Elaun Ahli Majlis MPSJ	<p>i. Encik Pooi Weng Keong memohon agar elaun berkaitan lawatan tapak sebanyak RM 75.00 dimasukkan mengikut kadar yang lepas.</p> <p>ii. Encik Tai Cheng Heng memohon agar temuduga penjaja juga dimasukkan sebagai pembayaran elaun.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju pembayaran kadar elaun Ahli Majlis MPSJ adalah</p>
4.		Encik Tai Cheng Heng		

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan																		
				<p>seperti berikut :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1045 348 1313 432">Elaun</th> <th data-bbox="1313 348 1520 432">Bayaran (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1045 432 1313 478">Elaun Tetap</td> <td data-bbox="1313 432 1520 478">RM 2,500</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1045 478 1313 606">Elaun Pengurusan Ahli Majlis</td> <td data-bbox="1313 478 1520 606">RM 2,500</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1045 606 1313 735">Elaun Mesyuarat Jawatankuasa</td> <td data-bbox="1313 606 1520 735">RM 150</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1045 735 1313 907">Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Kecil</td> <td data-bbox="1313 735 1520 907">RM 100</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1045 907 1313 991">Elaun Temuduga</td> <td data-bbox="1313 907 1520 991">RM 150</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1045 991 1313 1037">Elaun Telefon</td> <td data-bbox="1313 991 1520 1037">RM 200</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1045 1037 1313 1165">Elaun Lawatan Tapak</td> <td data-bbox="1313 1037 1520 1165">RM 75</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1045 1165 1313 1337">Tuntutan Perjalanan dan Penginapan</td> <td data-bbox="1313 1165 1520 1337">Mengikut Tuntutan Gred 48</td> </tr> </tbody> </table> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan lawatan tapak adalah tertakluk kepada lawatan tapak yang terbit daripada Mesyuarat Jawatankuasa sahaja.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan / Jabatan Perbendaharaan</p>	Elaun	Bayaran (RM)	Elaun Tetap	RM 2,500	Elaun Pengurusan Ahli Majlis	RM 2,500	Elaun Mesyuarat Jawatankuasa	RM 150	Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Kecil	RM 100	Elaun Temuduga	RM 150	Elaun Telefon	RM 200	Elaun Lawatan Tapak	RM 75	Tuntutan Perjalanan dan Penginapan	Mengikut Tuntutan Gred 48
Elaun	Bayaran (RM)																					
Elaun Tetap	RM 2,500																					
Elaun Pengurusan Ahli Majlis	RM 2,500																					
Elaun Mesyuarat Jawatankuasa	RM 150																					
Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Kecil	RM 100																					
Elaun Temuduga	RM 150																					
Elaun Telefon	RM 200																					
Elaun Lawatan Tapak	RM 75																					
Tuntutan Perjalanan dan Penginapan	Mengikut Tuntutan Gred 48																					

7.0 PENUTUP

Puan Yang Dipertua mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan Febrauri 2018 akan diadakan pada 28 Februari 2018 (Rabu) jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 30 Januari 2018 (Selasa)

" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | TPr. Hj. Jaber bin Ami. | - | " |
| 5. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 6. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 7. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 8. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 9. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 10. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 11. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 14. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 15. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 16. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 17. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 18. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |

- | | | | |
|-----|---------------------------------|---|---|
| 19. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 20. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 21. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 22. | Puan Wong Siew Ki | - | " |
| 23. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|--|---|---|
| 1. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 2. | Tuan Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 3. | Encik Wan Hock Leong, P.J.K., P.J.M., P.P.A. | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. TPr. Ismail Bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
4. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan

6. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
7. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
10. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
11. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
12. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
13. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
14. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
15. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
16. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan
Pengarah, Jabatan COB
17. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
18. Encik Azfarizal bin Abd Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

19. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
20. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasa
21. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
22. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
23. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
24. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
25. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
26. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
27. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
28. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
29. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
30. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati
Penolong Pengarah, Perancang Bandar
31. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

32. Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
33. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
34. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
35. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
36. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
37. Puan Salwa binti Ab. Rahman
Penolong Pengarah (Teknologi Maklumat)
38. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
39. Encik Mohd Nazri bin Zamaludin
Penolong Pengarah, Jabatan khidmat Pengurusan
40. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
41. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
42. Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
43. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
44. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam

45. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
46. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
47. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
48. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
49. Encik Zamir Umbra bin Shahimi
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
50. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
51. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
52. Puan Nurul Ain binti Mohammad Napiah
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
53. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
54. Encik Aidil Ifni bin Supar
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
55. Puan Nabila Amalina binti Mohd Hamid
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
56. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
57. Puan Salihah binti Ramli
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

58. Puan Nurul Saadah binti A. Wahab
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Cik Roshaira binti Rosly
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
60. Encik Muhammad Shah Faris bin Kamarulzaman
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Norawalia binti Shafiai
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan